

## Special Interest Group (SIG) Kejuruteraan

Diselenggarakan oleh **Mazmin Mat Akhir**  
mazmin@unimap.edu.my

### Mesyuarat SIG Kejuruteraan Bil. 1/2008 di Anjung UniMAP

Membuka tirai 2008, Perpustakaan UniMAP telah menganjurkan **Mesyuarat SIG Kejuruteraan Bil. 1/2008** pada **9 Januari 2008** bertempat di Anjung UniMAP. Mesyuarat membincangkan cadangan terma rujukan SIG Kejuruteraan yang akan dibentangkan pada Mesyuarat PERPUN untuk tujuan kelulusan dan penyeragaman.

### Mesyuarat SIG Kejuruteraan Bil. 2/2008 di UniMAP

**Mesyuarat Special Interest Group (SIG) Kejuruteraan** telah diadakan pada **2 Jun 2008** bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Kompleks Pentadbiran Kechor. Ahli mesyuarat dihadiri oleh semua Perpustakaan ahli yang terdiri daripada Perpustakaan IPTA yang menawarkan koleksi dan perkhidmatan untuk komuniti kejuruteraan.



Sesi Perkongsian Sumber

Sempena kunjungan para Pustakawan ke **Mesyuarat SIG Kejuruteraan Bil. 2/2008**, **Sesi Perkongsian ilmu** telah dianjurkan pada **2 Jun 2008** bertempat di Dewan Keikhlasan UniMAP. Para hadirin berpeluang mendengar dua pembentangan yang disampaikan oleh Puan Siti Hawa Darus dari Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Encik Kamal Sujak daripada **Siti Hasmah Digital Library, Universiti Multimedia Malaysia (MMU)**. Puan Siti Hawa berkongsi pengalaman beliau dalam aspek penawaran perkhidmatan kepada komuniti Kejuruteraan di Perpustakaan UIAM. Ini meliputi penawaran kelas kemahiran maklumat kepada pelajar dan warga fakulti berkenaan. Wakil daripada Perpustakaan MMU pula berkongsi pengalaman mengenai amalan penerbitan jurnal akses terbuka.

## Apa Kata Peserta (Pelajar) Bengkel Program Penyelidikan Maklumat

*"Mempromosikan kepada pelajar tahun 1, 2, dan 3 dengan kewujudan kemudahan ini"*

**NURUL KHARMILA AHMAD NIZAR**  
051050593  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Sepatutnya program ini didedahkan sejak tahun pertama lagi. Satu kerugian kepada kami kerana apabila di tahun empat baru kami sedar ada cara yang betul untuk buat research"*

**W NOOR FATIAH W MOHAMAD**  
061050776  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Memperluaskan lagi taklimat ini di masa akan datang"*

**SUZILAWATI IBERAHIM**  
061050719  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Teruskan usaha kepada pelajar baru"*

**NURULHAMKHA ABDUL BASIR**  
051050554  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Program yang amat membantu pelajar tahun akhir bagi bersedia untuk menyiapkan projek tahun akhir kami"*

**AMIR FALAHUDDIN A. KECHIK**  
051120059  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Bengkel ini perlu diperluaskan untuk semua pelajar dari tahun satu hingga empat"*

**PUTERI ZIRWATUL NADILA MEGAT ZAMANHURI**  
061120971  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Sangat sesuai dibuat pada tahun 1 kerana pelajar Product Design sangat memerlukan"*

**IRA SYADILLA IBRAHIM**  
061120197  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Bengkel ini sepatutnya diadakan sejak tahun pertama. Pendedahan ini amat penting bagi pelajar dan bukan sahaja bagi pelajar tahun 4. Bengkel ini amat penting...!"*

**IZZA HANNA HALILI**  
051120187  
Pelajar (PPK Pembuatan)

*"Masukkan program ini dalam 7 pillars universiti supaya semua pelajar dapat menggunakan rujukan di Internet dengan kaedah yang betul"*

**NIK NURUL AZMATUN NIK MOHD YUSOFF**  
051050502  
Pelajar (PPK Pembuatan)

## Apa Kata Peserta (Staf) Bengkel Program Penyelidikan Maklumat

*"Perlu diteruskan dari masa ke semasa"*

**NOOR ASLIZA ABDUL RAHIM**  
0100186  
Guru Bahasa (PKKK)

*"Bagus dan perlu kepada latihan praktikal untuk EndNote"*

**NORHUDI'IN DANU**  
0100187  
Guru Bahasa (PKKK)